

# Ghani kekal M B Johor bagi penggal kedua

UM - 9 DEC 1959

TANGKAK 8 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, melantik semula Datuk' Abdul Ghani Othman sebagai Menteri Besar Johor bagi penggal kedua.

Perkara ini disahkan sendiri oleh Abdul Ghani pada majlis keraiian kemenangan calon-calon Barisan Nasional (BN) kawasan Parlimen Ledang di sini malam tadi.

Majlis tersebut berlangsung di pekarangan Pejabat Tanah Daerah Kecil Tangkak berhampiran Dataran Ledang di sini. Kira-kira 2,500 orang pekerja-pekerja BN hadir di majlis itu.

Turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Tangkak, Yap Chik Done, Ahli Parlimen Ledang, Hashim Ismail.

Menurut Abdul Ghani, Perdana Menteri juga menyetujui senarai 10 orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang dikemukakan kepadanya di Putrajaya, semalam.

Bagaimanapun menurutnya, beliau tidak dapat mengumumkan senarai mereka yang terpilih menganggotai barisan Exco itu sehingga ia diperkenan oleh Sultan Johor.

"Saya akan serahkan senarai Exco Johor yang dipersetujui oleh Perdana Menteri kepada Sultan Johor sehari dua ini untuk mendapatkan perkenan baginda," ujarnya.

Sebelum itu, Abdul Ghani yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Serom menghadiri majlis tahlil di Masjid Jamek Tangkak di sini.

Menteri Besar menjelaskan, beliau yang dijadualkan menemui Dr. Mahathir pada petang kelmarin hanya dapat berbuat demikian pagi semalam kerana terperangkap dalam banjir di Shah Alam.

Abdul Ghani menegaskan, kerajaan negeri yang diketuainya akan menggu-

bal satu pendekatan baru bagi memastikan semua wakil rakyat sama ada Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri sentiasa mudah dihubungi oleh rakyat jelata.

"Saya sendiri berjanji akan lebih kerap balik ke kawasan Ledang ini dan janji ini bukan janji manis saya tetapi sebagai bukti saya mengambil berat tentang masalah rakyat," ujarnya.

Kata beliau, pendekatan itu juga adalah sebagai usaha menyangkal tindak tanduk parti pembangkang sepanjang kempen pilihan raya lalu yang disifatkannya sudah sampai ke peringkat 'melampau'.

Abdul Ghani mendakwa, ada anggota dan pemimpin parti pembangkang yang sanggup mengkafirkan ahli UMNO dan menggunakan agama sekadar untuk memancing undi.

"Oleh itu kita akan menyorok langkah untuk memastikan penduduk Johor dapat mempertahankan perpaduan mereka dan tidak mudah dipengaruhi oleh amalan politik melampau, menangguk di air keruh, mengambil kesempatan apabila berlaku perpecahan orang Melayu.

"Kita mahu membanteras pembowongan dan fitnah yang masih terdapat dalam masyarakat," katanya.

Beliau menegaskan, umat Islam perlu diberi pengetahuan agama secukupnya untuk menangkis ancaman ini.

Pada majlis itu juga, Abdul Ghani berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya iaitu menjaga amanah rakyat Johor dengan memastikan tiada pihak yang tercicir daripada menikmati konsep pembangunan.